

**UPM**Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia[UTAMA](#) | [FAKTA & ANGKA](#) | [MEDIA](#) | [DIREKTORI KAKITANGAN](#) | [LOKASI](#) | [PETA LAMAN](#) | [SOALAN LAZIM](#) | [HUBUNGI KAMI](#)

CARI

[Maklum Balas Laman Web](#)

Selasa, September 18, 2012

[MENGENAI KAMI](#)[PENYELIDIKAN](#)[AKADEMIK](#)[JARINGAN](#)[ANTARABANGSA](#)[KEHIDUPAN KAMPUS](#)[PERKHIDMATAN](#)[| A- | A | A+ | ENGLISH](#)[Berita](#) » [Malaysia memilih UPM mengetuai Persidangan Plenari ASEA-UNINET](#)

Malaysia selaku tuan rumah Persidangan Plenari ASEA-UNINET ke-13 memilih Universiti Putra Malaysia (UPM) mengetuai persidangan itu pada 17-23 Februari, 2013 yang akan dihadiri oleh 120 peserta mewakili lebih 70 universiti dari Eropah dan Asia Tenggara. Persidangan itu mampu membina jaringan penyelidikan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) negara agar lebih kompetitif di peringkat antarabangsa khususnya Eropah serta menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan di rantau Asia Tenggara.

Pengarah Pusat Pengimejan Nuklear Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Abdul Jalil Nordin berkata melalui persidangan ASEA-UNINET itu, institusi pengajian tinggi awam (IPTA) negara mampu membina jaringan penyelidikan yang lebih kompetitif di peringkat antarabangsa khususnya Eropah serta menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan di rantau Asia Tenggara.

Katanya, universiti yang menjadi ahli akan dibantu melalui aktiviti pengantarabangsaan seperti jalinan kerjasama akademik antara universiti, kerajaan dan badan bukan kerajaan serta syarikat swasta yang terlibat dalam sektor pendidikan.

Impak lain dengan menganggotai ASEA-UNINET ialah dapat meningkatkan kualiti graduan tempatan dan menarik pelajar Eropah untuk melanjutkan pelajaran di Malaysia

melalui promosi negara anggota. Selain itu, jaringan pertukaran pelajar dan staf Eropah-Asia juga mampu memberikan impak besar terhadap kemahiran modal insan.

Selain UPM, IPTA lain yang diterima menjadi ahli ASEA-UNINET ialah UKM, UM dan UTeM.

Berita ini disediakan oleh Khairul Anuar Muhamad Noh, 03-89467469 dan foto oleh Marina Ismail, 03-89468985

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan| Jumlah Pelawat : 1798128
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768

@2012 Universiti Putra Malaysia
Kemaskini Terakhir : 18 Sep 2012

